



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2011

---

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

Satu jam

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

## Soalan 1 - 7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Adli \_\_\_\_\_ di bawah dawai berduri untuk melarikan diri daripada kawan-kawannya.  
A merangkak  
B menyusup  
C menyusur  
D meniarap
- 2 Cerpen karya penulis itu \_\_\_\_\_ sahaja tetapi plot yang digarapnya menarik sekali.  
A ringkas  
B singkat  
C senang  
D mudah
- 3 Kejayaan cemerlang Aidid dalam peperiksaan PMR ialah hasil \_\_\_\_\_ usahanya yang bersungguh-sungguh.  
A dari  
B bagi  
C untuk  
D daripada

- 4 Hujan yang \_\_\_\_\_ telah mengaburi pandanganku ketika memandu kereta.
- A menitis
  - B menitik
  - C merintik
  - D mencurah
- 5 Pihak Jabatan Pelajaran Negeri Kedah berbangga dengan \_\_\_\_\_ sekolah itu dalam bidang kurikulum dan kokurikulum.
- A peningkatan
  - B pemantapan
  - C pencapaian
  - D perubahan
- 6 Pendatang tanpa izin itu lari \_\_\_\_\_ untuk melepaskan diri apabila diserbu oleh pihak imigresen.
- A berkejaran
  - B berserakan
  - C berkeliaran
  - D bertempiaran
- 7 Selepas menyelesaikan tugas ini, bolehlah kita berehat \_\_\_\_\_.
- A sesungguh-sungguhnya.
  - B semahu-mahunya.
  - C selama-lamanya.
  - D seada-adanya.

### Soalan 8 - 14

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 8 Mereka berada di muzium itu di pagi ke tengah hari. Tiada kesalahan.
- A                      B                      C                      D
- 9 Orang Penan di pedalaman Sarawak suka berpindah randah dari suatu tempat ke suatu tempat. Tiada kesalahan.
- A                      B  
C                      D

- 10 Mula-mula saya dijemput masuk dan disuruh duduk, kemudian di ajak berbincang, akhirnya dibawa masuk bertemu majikannya. Tiada kesalahan.  
 A B  
 C D
- 11 Encik Ali berasa tidak puas hati kerana setengah pekerjaanya tidak bekerja dengan bersungguh-sungguh. Tiada kesalahan.  
 A B C  
 D
- 12 Perlantikan tuan sebagai pemeriksa dan tugas pemeriksaan adalah SULIT di bawah peruntukan Akta Rahsia 1972. Tiada kesalahan.  
 A B  
 C D
- 13 Kami memperolehi pengajaran yang berguna daripada ceramah yang disampaikan oleh penceramah yang diundang khas itu. Tiada kesalahan.  
 A B  
 C D
- 14 Pasukan bola sepak Piala Tiger itu menjadi juara kerana kemahiran penjaga golnya mengawal pintu gol daripada dibolosi pihak lawan. Tiada kesalahan.  
 A B  
 C D

### Soalan 15 - 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

- 15 I Kerja-kerja *memelihara* bangunan bersejarah akan menjadi lebih mudah jika mendapat kerjasama semua pihak.  
 II Makanan seimbang dapat *memelihara* tubuh daripada diserang pelbagai penyakit.  
 III Umat Islam diingatkan supaya *memelihara* lidah supaya tidak mengumpat.  
 IV Ramai penduduk Kampung Sena *memelihara* binatang ternakan.
- A I, II dan III sahaja  
 B I, II dan IV sahaja  
 C I, III dan IV sahaja  
 D II, III dan IV sahaja

- 16 I Pegawai penyelidik itu bekerja dengan *hemat* supaya hasil kajiannya berjaya.  
II Orang yang *hemat*, tidak akan mudah terpengaruh dengan kempen jualan murah.  
III Dia seorang pelajar yang cukup baik, tinggi *hemat* dan bersih tutur katanya.  
IV Kereta itu melanggar pokok kerana pemandunya kurang *hemat*.
- A I, II dan III sahaja  
B I, II dan IV sahaja  
C I, III dan IV sahaja  
D II, III dan IV sahaja
- 17 I Imad aktif dalam *lapang* sukan.  
II Bilik utama rumah teres itu *lapang*.  
III Budak-budak itu sedang bermain bola di *lapang* rumah Pak Abu.  
IV *Lapang* hati Puan Hamida apabila melihat anaknya beransur sembuh.
- A I dan II sahaja  
B II dan IV sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D II, III dan IV sahaja

**Soalan 18 - 21**

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada **A, B atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

- 18 Pihak polis mencari maklumat berpandukan kepada keterangan orang ramai.
- A berpandukan keterangan  
B berpandukan akan keterangan  
C berpandukan pada keterangan  
D berpandukan kepada keterangan
- 19 Dengan ini diumumkan bahawa pemenang tempat pertama akan menerima Sijil Simpanan Premium bernilai RM10,000.
- A Diumumkan  
B Adalah diumumkan  
C Adalah diumumkan bahawa  
D Dengan ini diumumkan bahawa

- 20 Penduduk Kampung Alor Madi saling bantu-membantu setiap kali banjir melanda kampung itu.
- A saling bantu
  - B membantu-bantu
  - C bantu-membantu
  - D saling bantu-membantu
- 21 Murid itu menanyakan gurunya beberapa soalan yang berkaitan dengan makna kata.
- A menanyakan kepada gurunya
  - B menanyai kepada gurunya
  - C menanyai gurunya
  - D menanyakan gurunya

**Soalan 22 - 24**

*Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.*

- 22 **"Saya akan ke rumah Dewi bersama-sama awak," kata Swee Lan kepada saya.**
- A Swee Lan berkata bahawa dia akan pergi ke rumah Dewi bersama-sama saya.
  - B Swee Lan memberitahu saya bahawa dia akan pergi ke rumah Dewi bersama-sama awak.
  - C Swee Lan berkata kepada saya bahawa dia akan pergi ke rumah saya bersama-sama Dewi.
  - D Swee Lan mengatakan kepada mereka yang dia akan pergi ke rumah Dewi bersama-sama saya.
- 23 **Ibu bapalah yang merupakan tonggak dalam membanteras gejala keruntuhan moral dalam kalangan remaja.**
- A Masalah kepincangan moral dalam kalangan remaja dapat diatasi dengan adanya bantuan ibu bapa.
  - B Keruntuhan moral yang melibatkan remaja berlaku kerana ibu bapalah yang kurang memainkan peranan.
  - C Ibu bapalah yang seharusnya memainkan peranan dalam membasmi masalah keruntuhan akhlak yang melibatkan remaja.
  - D Tugas untuk mengatasi masalah yang melibatkan kemerosotan moral seharusnya dimainkan oleh ibu bapa.

- 24 **Sharipah mengirimkan kuih-muih kepada suaminya di perbatasan sempena ulang tahun perkahwinan mereka.**
- A Kuih-muih sempena ulang tahun perkahwinan mereka dikirim kepada suami Sharipah di perbatasan.
  - B Sharipah mengirimkan suaminya kuih-muih di perbatasan sempena ulang tahun perkahwinan mereka.
  - C Kuih-muih dikirim Sharipah sempena ulang tahun perkahwinan kepada suami mereka di perbatasan.
  - D Sharipah mengirimi suaminya di perbatasan kuih-muih sempena ulang tahun perkahwinan mereka.

**Soalan 25 - 27**

*Pilih ayat-ayat yang betul.*

- 25
- I Mereka berlagak kebodoh-bodohan apabila disoal oleh guru disiplin.
  - II Keadaan ekonomi negara tahun lalu tidak sebaik keadaan sekarang.
  - III Rumah di atas Bukit Antarabangsa itu besar-besar.
  - IV Seniman paling termasyhur itu sudah meninggal dunia.
- A I dan III sahaja
  - B II dan IV sahaja
  - C I, II dan III sahaja
  - D II, III dan IV sahaja
- 26
- I Burung hantu keluar mencari makanan bila malam.
  - II Orang tua itu selalu berdoa semoga keluarganya sentiasa sihat.
  - III Murid itu belajar bersungguh-sungguh semasa berjaya dalam peperiksaan.
  - IV Usah kita bersikap kasar terhadapnya, kendatipun dia seorang yang sombong.
- A I dan III sahaja
  - B II dan IV sahaja
  - C I, II dan III sahaja
  - D II, III dan IV sahaja
- 27
- I Yang di dalam kotak itu apa?
  - II Keputusan peperiksaan kamu bagaimana?
  - III Bila gerangan kakanda akan pulang?
  - IV Berapa tahun dia belajar di luar negeri?
- A I dan II sahaja
  - B III dan IV sahaja
  - C I, II dan III sahaja
  - D II, III dan IV sahaja

## Soalan 28 - 30

Biar merangkak, jangan menjalar – bermaksud – Lebih baik rosak sedikit asal jangan rosak semuanya.

- 28 Peribahasa yang mempunyai maksud yang sama dengan peribahasa di atas
- A Biar sakit dulu, senang kemudian.
  - B Biar berputih tulang, jangan berputih mata.
  - C Biar terletak, jangan terhempas.
  - D Biar pecah di perut, jangan pecah di mulut.
- 29 Peribahasa yang berikut bermaksud kedudukan yang tidak selamat atau tidak terjamin, **kecuali**
- A abu di atas tunggul.
  - B berumah di tepi pantai.
  - C air di daun keladi.
  - D telur di hujung tanduk.
- 30 Peribahasa "harimau mati meninggalkan belang, gajah mati meninggalkan gading" bermaksud
- A orang yang berani akan disegani walaupun setelah meninggal dunia.
  - B orang berharta akan mewasiatkan hartanya setelah meninggal dunia.
  - C orang yang berharta akan sentiasa diingati walaupun setelah meninggal dunia.
  - D orang yang berjasa akan selalu disebut-sebut walaupun setelah meninggal dunia.



## Soalan 31 - 35

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Dalam kesepian itu, seolah-olah aku melihat pokok-pokok yang longlai dipuput bayu melihat kemurungan yang menyerang jiwaku. Mungkin juga pokok itu ikut merasakan demikian kerana ia juga kebiasaannya tidak lekang daripada pandangan Tina, di sisiku setiap petang sebelum ini. Dan yang kuyakini, dia tak mungkin Tina. Tak mungkin. Namun sama ada mungkin atau sebaliknya, aku merasai, aku patut mencari jalan berjumpanya. Tetapi bagaimana? Adakah cara yang lebih baik selain menunggunya di kantin atau mengambil kesempatan pada waktu rehat untuk menyapa langsung berbual?

Semakin kubesarkan hajat, semakin membesarlah wajah Tina dalam benakku.

"Abang tak ajak Tina main layang-layang?"

"Tak boleh. Tina tak boleh main panas, tau. Nanti demam. Susah kan?"

"Tapi Tina nak lari. Tina nak lari macam dia orang tu.

Noorsiah, Aida, Timah, Dina dan yang lain tu, kenapa boleh main panas? Ajaklah Tina main sama. Seronok kan dapat naikkan layang-layang tu?"

"Layang-layang boleh terbang tinggi kalau tali panjang dan angin kuat. Tina pula bercita-cita tinggi apabila dah sekolah nanti. Bukannya asyik baring dan duduk macam ni saja. Tak syoklah macam ni selalu...."

"Tak apalah. Sekarang Tina sakit. Doktor kata, jangan banyak sangat bergerak. Jalan sikit-sikit bolehlah."

"Yalah abang sayang. Kalau macam tu, bawalah Tina jalan-jalan di tepi padang. Dapat rasa angin bertiup. Udaranya kan segar? Dapat tengok kawan-kawan lari. Main kejar-kejar tentu seronok agaknya ya?"

"A... a..., apa abang pesan?"

"Belum pesan lagi," runggut Tina manja.

"O.K. Kalau Tina sungguh-sungguh nak jalan-jalan, abang boleh bawa...."

"Betul?"

"Betul. Tapi ada syarat."

"Syaratnya?"

"Tina tak boleh lari-lari macam Noorsiah, Aida atau Timah tu. Tengok Nora dan Fidah. Duduk diam-diam macam tu, kan elok."

Membimbing tangan kecil Tina, cukup seronok. Pada ketika tertentu, dia amat kuat berpaut. Aku serasa seperti digayuti.

(Dipetik daripada cerpen Tina,  
*Antologi Seuntai Kata Untuk Dirasa*, Tingkatan 2,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

- 31 Bagaimanakah cara "aku" hendak bertemu dengan Tina?
- A Menunggu di kantin
  - B Menunggu di bawah pokok
  - C Berjumpa di padang
  - D Berjumpa di anjung rumah
- 32 Frasa *pokok-pokok yang longlai* ialah gaya bahasa...
- A Inversi
  - B Metafora
  - C Personifikasi
  - D Imejan
- 33 Berdasarkan petikan apakah teknik plot yang digunakan oleh pengarang?
- A Saspens
  - B Monolog
  - C Imbas muka
  - D Imbas kembali
- 34 Pengajaran yang boleh diambil daripada cerpen tersebut ialah
- A Kasih sayang perlu dipupuk seawal usia muda.
  - B Patuh akan janji bergantung pada masa dan situasi.
  - C Kita hendaklah bersikap tabah dan tidak berputus asa.
  - D Kita perlu memberi sumbangan dan ehsan kepada insan lain.
- 35 Cerpen Tina bertemakan
- A Sikap tolong-menolong.
  - B Setia kawan kehidupan seorang pelajar.
  - C Kasih sayang seorang abang terhadap adiknya.
  - D Semangat kesukanan antara ahli rumah sukan.

**Soalan 36 - 40**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

**RUMAH BARU**

Telah kita siapkan rumah baru  
untuk anak-anak berteduh  
kerana kita diamanah  
mendewasakan mereka  
menjadi warga bijaksana  
menjelang tahun wawasan.

Telah kita siapkan rumah baru  
di atas tiang muafakat  
air, pasir dan simen  
dari tangan pelbagai bangsa  
negara yang tumbuh  
atas bumi toleransi.

Telah kita siapkan rumah baru  
wajah kebangsaan  
agar penghuni saling ramah  
rajin memberi dan menerima  
juadah kesejahteraan  
sampai akhir zaman.

**HARON A.H**

(Dipetik daripada sajak Rumah Baru  
antologi Anak Bumi Tercinta, Tingkatan 3,  
Dewan Bahasa Pustaka)

- 36 Frasa *rumah baru* membawa maksud
- A warganegara yang baharu.
  - B wawasan yang baharu.
  - C generasi yang baharu.
  - D negara yang baharu.
- 37 Rangkap kedua membincangkan tentang
- A identiti kebangsaan yang tersendiri.
  - B kerjasama dan perpaduan pelbagai kaum.
  - C pembentukan negara yang aman dan harmoni.
  - D penggemblengan tenaga mencapai wawasan negara.

Rajin memberi dan menerima

- 38 Unsur bunyi yang terdapat dalam baris di atas ialah
- A asonansi.
  - B aliterasi.
  - C repetisi.
  - D simile.
- 39 Nada sajak rumah baru ialah
- A melankolik.
  - B patriotik.
  - C sinis.
  - D romantis.
- 40 Persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut ialah
- A perpaduan amat penting dalam masyarakat berbilang kaum.
  - B golongan tua bertanggungjawab merealisasikan wawasan negara.
  - C kesejahteraan negara akan dicapai dengan pembangunan yang moden.
  - D keamanan sesebuah negara terletak kepada tanggungjawab pemerintah.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

SULIT  
02/2  
BAHASA MELAYU  
Ogos  
2011  
2 jam

02/2



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2011

---

---

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

Dua jam

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B**, **Bahagian C** dan **Bahagian D**.*
2. ***Bahagian A** terdiri daripada dua bahagian : **Bahagian A(i)** dan **Bahagian A(ii)**. Anda dikehendaki supaya menjawab **kedua-dua bahagian** tersebut. **Bahagian B** dan **Bahagian D** juga mesti dijawab manakala **Bahagian C** mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab **satu** soalan sahaja.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab **Bahagian A**, 25 minit untuk **Bahagian B**, 45 minit untuk **Bahagian C** dan 10 minit untuk **Bahagian D**.*

**Bahagian A(i)-Ringkasan**

[20 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang langkah-langkah untuk meningkatkan tabiat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Kajian Perpustakaan Negara pada tahun 1996 yang menumpukan perhatian terhadap literasi penduduk Malaysia, mendapati bahawa setiap rakyat negara ini membaca hanya 2 buah buku setahun. Kajian Gunakumaran, Koo dan Shahizah pada tahun 2003 mendapati bahawa pelajar lebih berminat untuk membaca bahan bacaan ringan, seperti surat khabar dan majalah. Dengan hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa rakyat Malaysia memang membaca, tetapi mereka tidak membaca bahan bacaan tambahan yang terarah kepada penjana ilmu pengetahuan.

Sehubungan dengan itu, beberapa inisiatif dapat diambil untuk meningkatkan tabiat membaca yang sedia ada dalam kalangan rakyat Malaysia. Kita boleh memperuntukkan masa dan menetapkan waktu khas untuk membaca dalam sehari atau seminggu. Setelah masa diperuntukkan, kita harus membaca pada waktu tersebut tanpa sebarang alasan. Waktu sebelum tidur juga amat baik, sekiranya digunakan untuk membaca. Kita boleh membaca sekurang-kurangnya 10 minit hingga 30 minit sebelum mata benar-benar mengantuk. Selain itu, buku boleh dijadikan sebagai teman dan sentiasa dibawa bersama-sama.

Setiap kali membaca, sebaik-baiknya kita menetapkan sasaran dan matlamat pembacaan. Sasaran bertujuan untuk menentukan topik yang hendak dibaca. Matlamat pembacaan pula adalah untuk menentukan tujuan kita membaca topik tersebut, sama ada untuk menulis laporan, rencana dan sebagainya. Kita juga boleh menyediakan rekod pembacaan yang rapi dan terancang selepas membaca. Rekod tersebut dapat membantu kita untuk **memantau perkembangan** tabiat membaca, menyediakan senarai buku dan bahan yang ingin dibaca dari semasa ke semasa.

Perkara yang paling menarik adalah apabila kita dapat membaca bersama-sama ahli keluarga atau teman. Maka, wujudlah jaringan ilmu dengan orang yang paling hampir dengan kita dalam suasana yang menggembirakan. Selain itu, usaha dan kerjasama agensi kerajaan seperti jabatan pelajaran, pejabat pelajaran daerah, perpustakaan negeri dan perpustakaan daerah untuk merangka program galakan membaca amat dialu-alukan. Program-program yang dapat diadakan ialah aktiviti khemah membaca, kem penulis muda, jejak maklumat, pertandingan cerita, penulisan dan resensi buku. Hakikatnya, usaha untuk membentuk tabiat membaca merupakan tugas guru, ibu bapa dan ahli masyarakat.

(Dipetik dan diubah suai daripada  
'Menyuburkan tabiat membaca' oleh  
Zaitul Azma Zainol Hamzah, *Pelita Bahasa*, April 2011)

SULIT

3

02/2

**BAHAGIAN A(ii) – Pemahaman**

[10 markah]

Berdasarkan petikan **Bahagian A(i)**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat-ayat sendiri.

1. Berikan maksud *memantau perkembangan*. [2 markah]
  
2. Nyatakan program-program untuk meningkatkan tabiat membaca dalam kalangan murid . [ 4 markah]
  
3. Pada pendapat anda, apakah yang akan terjadi kepada masyarakat yang malas membaca? [4 markah]


02/2

[ Lihat halaman sebelah  
SULIT

**Bahagian B**

[20 markah]

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri murid cemerlang. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.




Akademik

Kepimpinan

MURID CEMERLANG

Kecergasan

Berdisiplin





**SULIT****5****02/2****Bahagian C**

[ 40 markah ]

*Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.*

- 1 Anda mempunyai kenalan di luar negara. Anda dikehendaki menulis sepucuk surat kepada kenalan anda menceritakan perayaan-perayaan yang disambut oleh penduduk Malaysia.

Tulis surat tersebut selengkapnya.

- 2 Masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sering diperkatakan umum pada masa ini.

Bincangkan peranan ibu bapa untuk mengatasi masalah ini.

- 3 Dewasa ini, pencemaran alam sekitar di negara kita amat membimbangkan.

Huraikan langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut.

- 4 Sekolah anda telah mengadakan kejohanan sukan tahunan.

Gambarkan suasana sepanjang kejohanan tersebut.

- 5 Peribahasa 'belakang parang diasah lagikan tajam' membawa maksud walau betapa bodoh seseorang itu kalau diajar berulang kali akan menjadi pandai juga.

Tulis sebuah cerita berdasarkan peribahasa ini.

**02/2****[Lihat halaman sebelah  
SULIT**

SULIT

6

02/2

**Bahagian D**

[10 markah]

Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 2 atau Tingkatan 3.

- (i) **Tragedi Empat Disember** karya Dzul Karnain Ithnin
- (ii) **Pahlawan Pasir Salak** karya Mohd Ismail Sarbini
- (iii) **Timulak Kapal Perang** karya Azmah Nordin
- (iv) **Kapten Hassan Wira Bangsa** karya Harun Johari
- (v) **Panas Salju** karya Talib Samad
- (vi) **Merdeka! Merdeka!** Karya A.Rahman Hanafiah
- (vii) **Ekspedisi** karya Mohd Ghazali Tocheh
- (viii) **Kanang Cerita Seorang Pahlawan** karya Maznah Nordin

Berdasarkan novel yang anda kaji, huraikan tiga **pengajaran** dan **contoh peristiwa** yang terdapat dalam novel tersebut.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

02/2

SULIT

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH

2011

## SKEMA BAHASA MELAYU

## KERTAS 1

1	B	11	B	21	C	31	A
2	A	12	A	22	A	32	C
3	D	13	A	23	C	33	D
4	D	14	B	24	D	34	C
5	A	15	D	25	C	35	C
6	D	16	B	26	B	36	D
7	B	17	B	27	A	37	B
8	D	18	A	28	C	38	A
9	B	19	D	29	C	39	B
10	B	20	C	30	D	40	A

02/2

SULIT



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
NEGERI KEDAH DARUL

**PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2011**

**SKEMA  
BAHASA MELAYU**

Kertas 2

## **PERATURAN PEMARKAHAN BAHASA MELAYU KERTAS 2**

Bahagian A (i) : 20 markah

- 1 Perkara yang perlu diberi perhatian
- Bahasa dinilai secara tanggapan
  - Menandakan kesalahan bahasa seperti penandaan karangan
  - Peringkatkan markah pelajar mengikut kriteria di bawah

Markah Bahasa ( 10 markah )

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	09 - 10	- Bahasa baik dan lancar - Menggunakan ayat sendiri - kata yang dipilih tepat - ayat yang gramatis - penanda wacana betul - Ejaan/ tanda baca betul
Baik	06- 08	- bahasa baik dan lancar - masih menggunakan ayat sendiri - kata yang dipilih agak terhad - ayat masih gramatis - penanda wacana masih sesuai - kesalahan ejaan/ tanda baca yang minimum
Memuaskan	03 - 05	- bahasa kurang lancar - kesalahan bahasa yang ketara termasuk kesalahan ejaan/tanda baca - menyalin ayat daripada petikan asal secara terpilih
Penguasaan Minimum	01 - 02	- secara keseluruhannya jawapan menunjukkan penguasaan bahasa yang lemah .

Markah Isi ( 10 markah )

Bilangan Isi	Markah
5	09 – 10
4	07 – 08
3	05 – 06
2	03 – 04
1	01 - 02

## Cadangan Isi

## Bahagian A (i)

1. Peruntukan masa untuk membaca.
2. Tabiat membaca sebelum tidur.
3. Menjadikan buku sebagai teman.
4. Menentukan sasaran dan matlamat pembacaan.
5. Menyediakan rekod yang rapi dan terancang.
6. Menyediakan senarai buku dan bahan yang ingin dibaca.
7. Membaca bersama-sama keluarga dan teman.
8. Kerjasama yang melibatkan agensi kerajaan.

Bahagian A (ii) : Soalan Pemahaman ( 10 markah )

Soalan 1 : maksud kata / rangkai kata (2 markah)

Markah	Deskripsi
2 markah	- maksud tepat mengikut konteks dan ayat gramatis
1 markah	- maksud tepat mengikut konteks tetapi ayat tidak lengkap - maksud kurang tepat mengikut konteks/ isi tersurat sahaja - hanya memberikan sebahagian daripada maksud rangkai kata
0 markah	- maksud tidak tepat mengikut konteks

Soalan 2 : soalan pemahaman (4 markah )

Markah	Deskripsi
4 markah	- isi cukup serta lengkap dan ayat gramatis
3 markah	- isi cukup serta lengkap tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- isi tidak cukup dan kurang lengkap tetapi ayat gramatis
1 markah	- isi tidak cukup dan kurang lengkap serta ayat kurang gramatis
0 markah	- isi tidak mengikut tugas tetapi ayat gramatis - isi tidak mengikut tugas dan ayat tidak gramatis

Soalan 3 : soalan pemahaman kemahiran berfikir ( 4 markah )

Markah	Deskripsi
4 markah	- isi relevan mengikut tugas dan ayat gramatis
3 markah	- isi relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis
2 markah	- isi kurang relevan mengikut tugas tetapi ayat gramatis
1 markah	- isi kurang relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis
0 markah	- isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

Jawapan Bahagian A (ii)

Soalan 1 (2 markah)

Memantau perkembangan – menengok/melihat/memerhatikan/memeriksa kemajuan

Soalan 2 ( 4 markah )

- khemah membaca
- kem penulis muda
- jejak maklumat
- pertandingan cerita
- resensi buku

Terima mana-mana 4 isi.

Soalan 3 ( 4 markah )

- tidak akan mengecap kebahagiaan
- mudah ditindas dan diperalatkan
- mudah diperhambakan
- menjadi masyarakat yang tidak bermaruah

Terima mana-mana 2 isi dan isi-isi lain yang sesuai/ logik

Bahagian B : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan  
( 20 markah )

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	16 – 20 (18 – 20) (16 – 17)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- guna kata dan ayat yang gramatis</li> <li>- kosa kata yang luas dan tepat</li> <li>- ejaan / tanda baca betul</li> <li>- idea relevan berdasarkan tugas</li> <li>- kesalahan minimum dalam penggunaan kata</li> <li>- huraian idea luar seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan sesuai dan berkembang</li> <li>- pengolahan menarik dan berkesan</li> </ul>
Baik	11 – 15 (13 – 15) (11 – 12)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- kata dan ayat masih gramatis</li> <li>- kosa kata yang tepat</li> <li>- ejaan / tanda baca yang minimum</li> <li>- idea masih relevan berdasarkan tugas</li> <li>- kesalahan yang minimum dalam penggunaan Kata, frasa dan ayat</li> <li>- huraian idea luar seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan</li> <li>- pengolahan menarik</li> </ul>
Memuaskan	06 – 10 (08 – 10) (06 – 07)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- kata dan ayat kurang gramatis</li> <li>- kosa kata terhad</li> <li>- idea kurang relevan berdasarkan tugas</li> <li>- kesalahan yang ketara dalam penggunaan kata, frasa dan ayat</li> <li>- huraian idea luar seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan yang terhad</li> <li>- pengolahan tidak menarik</li> </ul>
Penguasaan minimum	01-05	<ul style="list-style-type: none"> <li>- keseluruhannya menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap</li> <li>- idea kabur / tidak berkaitan dengan tugas</li> </ul>



## Langkah – langkah memeriksa

- 1 Hendaklah membaca karangan sepintas lalu terlebih dahulu bagi mendapatkan **kesan ( impression)** daripadanya. Perkara yang perlu diberi perhatian semasa membuat pertimbangan ialah menjawab tugas, bahasa, kerelevanan idea dan pengolahan. Kemudian , nilai dan tetapkan peringkat karangan berkenaan berdasarkan kriteria penskoran yang disediakan.
- 2 Baca karangan itu sekali lagi dengan teliti untuk pertimbangan yang muktamad. Semasa membaca itu, tandakan kesalahan-kesalahan bahasa, tanda baca, ejaan dan isi / fakta seperti yang berikut :

_____	kesalahan bahasa,perkataan dan frasa
/	kesalahan ejaan
//	kesalahan ejaan yang berulang
○	kesalahan tanda baca
( )	kesalahan isi / fakta / idea

Isi-isi yang dicadangkan :

Ciri-ciri murid cemerlang

- Murid cemerlang hendaklah berjaya dalam akademik.
- Murid cemerlang mestilah mempunyai nilai kepimpinan.
- Murid cemerlang hendaklah berdisiplin.
- Murid cemerlang mestilah mempunyai aspek kecergasan.

## Bahagian C

Karangan Respons Terbuka  
(40 markah)

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	33 – 40 (37 – 40) (33 – 36)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- guna kata dan ayat yang gramatis</li> <li>- kosa kata yang luas dan tepat</li> <li>- ejaan / tanda baca betul</li> <li>- guna pelbagai jenis kata</li> <li>- idea relevan berdasarkan tugas berserta dengan contoh-contoh yang sesuai</li> <li>- huraian idea luar seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan sesuai dan berkembang</li> <li>- pengolahan menarik dan berkesan</li> <li>- pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak soalan</li> <li>- guna ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, kata dan frasa yang menarik</li> </ul>
Kepujian	25 – 32 (29 – 32) (25 – 28)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- guna kata dan ayat yang gramatis</li> <li>- kosa kata yang luas dan tepat</li> <li>- ejaan / tanda baca betul</li> <li>- guna pelbagai jenis kata</li> <li>- kesalahan minimum dalam penggunaan kata</li> <li>- idea relevan berdasarkan tugas berserta dengan contoh-contoh yang sesuai</li> <li>- huraian idea luar seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan sesuai dan berkembang</li> <li>- pengolahan menarik dan berkesan</li> <li>- pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak soalan</li> <li>- guna ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa yang menarik</li> </ul>
Baik	17 – 24 (21 – 24) (17 – 20)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- guna kata dan ayat yang gramatis tetapi kesalahan yang minimum</li> <li>- kosa kata umum tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>- penanda wacana masih sesuai</li> <li>- idea masih relevan berdasarkan tugas berserta dengan contoh-contoh yang sesuai</li> <li>- pengolahan masih menarik dan berkesan</li> <li>- pemerenggan yang sesuai dan format menepati kehendak soalan</li> </ul>

Memuaskan	09 – 16 (13 – 16) (09 – 12)	- guna pelbagai jenis kata yang terhad - guna ayat yang mudah tetapi terdapat kesalahan yang minimum - penanda wacana yang kurang tepat - kesalahan ejaan / tanda baca yang ketara - idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas - pengolahan kurang menarik - pemerenggan kurang sesuai dan format kurang tepat / format bercampur aduk
Penguasaan minimum	01 – 08 (05 – 08) (01 – 04)	- keseluruhannya menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap - idea yang kabur / tidak berkaitan dengan tugas - cerita lain - hafal karangan

#### Langkah – langkah memeriksa

- 3 Hendaklah membaca karangan sepintas lalu terlebih dahulu bagi mendapatkan **kesan ( impression)** daripadanya. Perkara yang perlu diberi perhatian semasa membuat pertimbangan ialah menjawab tugas, bahasa, kerelevanan idea dan pengolahan. Kemudian , nilai dan tetapkan peringkat karangan berkenaan berdasarkan kriteria penskoran yang disediakan.
- 4 Baca karangan itu sekali lagi dengan teliti untuk pertimbangkan yang muktamad. Semasa membaca itu, tandakan kesalahan-kesalahan bahasa, tanda baca, ejaan dan isi / fakta seperti yang berikut :

_____	kesalahan bahasa,perkataan dan frasa
/	kesalahan ejaan
//	kesalahan ejaan yang berulang
○	kesalahan tanda baca
( )	kesalahan isi / fakta / idea

- 5 Pemotongan markah untuk ejaan yang salah.
  - a. ½ markah dipotong bagi setiap ejaan yang salah
  - b. Pemotongan keseluruhan tidak lebih daripada 2 markah
  - c. Kesalahan ejaan yang berulang tidak diambil kira

## Bahagian C

### Soalan 1

- a. Format : Surat kiriman tidak rasmi
- b. Diharapkan : Calon dapat menulis beberapa perayaan yang disambut oleh penduduk Malaysia.
- c. Kemungkinan : Calon hanya menulis persiapan menyambut perayaan sahaja – maksimum C

### Soalan 2

- a. Format : Tiada
- b. Diharapkan : Calon dapat menulis peranan ibu bapa dalam menangani masalah ponteng dalam kalangan pelajar.
- c. Kemungkinan : Calon mencampur-adukkan peranan masyarakat, sekolah, negara dan lain-lain – maksimum C

### Soalan 3

- a. Format : Tiada
- b. Diharapkan : Calon dapat menyatakan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar.
- c. Kemungkinan : Calon menghuraikan punca pencemaran alam sekitar – maksimum C

### Soalan 4

- a. Format : Tiada
- b. Diharapkan : Calon dapat menceritakan suasana pada hari kejohanan.
- c. Kemungkinan : Calon menceritakan persiapan sebelum kejohanan – maksimum C

### Soalan 5

- a. Format : Tiada
- b. Diharapkan : Calon dapat menulis cerita berkaitan dengan maksud peribahasa
- c. Kemungkinan : Calon menulis tidak berkaitan dengan maksud peribahasa – maksimum C

**Bahagian D : Pemahaman Novel  
( 10 markah)**

Pembahagian markah

PERINCIAN	MARKAH
Isi	06
Bahasa	04

Kriteria markah bahasa

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	04	- bahasa baik dan lancar - ayat gramatis - ejaan dan tanda baca betul
Baik	02 - 03	- bahasa masih baik dan masih lancar - penggunaan ayat gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum - kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
Memuaskan	01	- bahasa tidak cekap - ayat tidak gramatis - kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara

Markah isi

1	Maksimum	:	3 isi
2	Isi dihuraikan berserta contoh	:	2 markah
3	Isi tanpa huraian dan contoh	:	1 markah

1. Jawapan mesti berdasarkan daripada novel yang telah dipelajari di **Tingkatan 2 atau Tingkatan 3**
2. Markah maksimum **10 markah**.
3. Berikan **1 markah** bagi setiap pernyataan / isi yang betul.
4. Berikan **1 markah** bagi huraian atau contoh yang berkaitan.
5. Huraian atau contoh tanpa pernyataan / isi, berikan **0 markah**.
6. Markah maksimum bagi pernyataan / isi dan huraian atau contoh **6 markah**
7. Markah maksimum bagi bahasa **4 markah**.

## Bahagian D

## Novel Kapten Hassan Wira Bangsa

Pengajaran	Contoh
Kita hendaklah sentiasa tenang dan berwaspada terhadap musuh	Walaupun Hassan mencurigai tingkah laku Ah Moi, tetapi beliau mengambil sikap tenang.
Kita hendaklah mempunyai sikap kasih sayang terhadap keluarga.	Kapten Hassan merupakan seorang suami yang baik, setia, penyayang dan menjaga kerukunan serta keharmonian rumah tangga.
Kita hendaklah taat akan perintah agama	Kapten Hassan merupakan anggota tentera yang taat melakukan amal ibadat.

## Novel Merdeka! Merdeka !

Pengajaran	Contoh
Rakyat hendaklah mementingkan tanah air sendiri daripada kesenangan peribadi.	Pak Awang meletakkan jawatan sebagai kerani rendah kerana tidak mahu bersubahat dan menjada tali barut pihak Inggeris
Kita hendaklah memiliki semangat bantu-membantu sesama sendiri.	Penduduk Kampung Teras Jernang bertindak menghulurkan bantuan untuk Persatuan Pahlawan Kemerdekaan bagi membolehkan wakil mereka ke Kuala Lumpur.
Kita hendaklah sabar dalam menghadapi sebarang dugaan yang menimpa.	Kudin sabar menerima kematian ayahnya, Pak Awang yang mati dibunuh pengganas komunis dan tetap meneruskan ucapannya.

Terima mana-mana isi lain yang sesuai atau logik.

